



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Telefon : 04-261 5613

Faxs : 04-261 8618

Laman Web : www.penang.gov.my

RUJ. KAMI : PSUKPP/05/0755/9 Klt.1(8)

TARIKH : 9 Rabiulawwal 1434
9 Januari 2013

Ketua-Ketua Jabatan Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri
PULAU PINANG

Ketua-Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan
PULAU PINANG

Y.B./Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN PENGGUNAAN E-MEL MENGGANTIKAN PENGHANTARAN SURAT MELALUI MESIN FAKS, POS DAN SERAHAN DENGAN TANGAN

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana Y.B./Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti dan Produktiviti / Inovasi Bil. 4/2012 yang telah bermesyuarat pada 11 Disember 2012 telah bersetuju untuk menguatkuasakan atau memantapkan penggunaan e-mel bagi menggantikan penghantaran surat melalui mesin faks, pos dan serahan dengan tangan ke Jabatan-jabatan / Agensi-agensi Kerajaan. Penguatkuasaan ini adalah selaras dengan saranan kerajaan untuk penjimatan kos pentadbiran melalui pengurangan penggunaan kertas serta kos perbelanjaan pos.

3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan adalah dipohon untuk melaksanakan arahan seperti berikut:

- (i) Menggunakan saluran e-mel bagi tujuan menghantar semua urusan surat menyurat, penghantaran dokumen dan sebagainya; (**Rujukan: Pekeliling Pentadbiran PSUKPP Bil. 5 Tahun 2009 - "Arahan Penjimatan Kertas", Tarikh: 23 Jun 2009**);
Capaian atas talian: www.penang.gov.my melalui menu PSUKPP / Pekeliling.

- (ii) Mengutamakan penggunaan e-mel sebagai media komunikasi untuk urusan dalaman agensi atau dengan pelanggan luar; **(Rujukan: Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU 2010 - “Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-mel di Agensi-Agensi Kerajaan”, Tarikh: 1 Julai 2010)**;
Capaian atas talian: www.mampu.gov.my melalui menu MAMPU / Akta dan Pekeliling; dan
- (iii) Memastikan sebarang mesej yang dihantar melalui e-mel tidak lagi disusuli menerusi media lain seperti faks dan surat; **(Rujukan: Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU 2010 - “Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-mel di Agensi-Agensi Kerajaan”, Tarikh: 1 Julai 2010)**;
Capaian atas talian: www.mampu.gov.my melalui menu MAMPU / Akta dan Pekeliling.

4. Walau bagaimanapun, penggunaan saluran e-mel masih tertakluk kepada keperluan pematuhan peraturan Arahan Keselamatan dan Keselamatan Perlindungan ICT yang berkaitan sewajarnya.

5. Oleh yang demikian, kerjasama dan komitmen Y.B./Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk menjayakan pemantapan penggunaan e-mel ini bagi menggantikan media yang sedia ada di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATO' FARIZAN BIN DARUS]

s.k. :

Y.A.B. Ketua Menteri,
Pulau Pinang

e.d. :

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)